

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK]**

**TARIKH : 5 OGOS 2020 [ RABU ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah Pihak Berkuasa Tempatan/ Kerajaan Persekutuan menguruskan sisa pepejal menggunakan kaedah yang lebih mesra alam dan 'Green Technology' mengikut kesesuaian setiap negeri memandangkan sistem pelupusan sampah yang tidak teratur boleh memberikan impak yang besar kepada rakyat setempat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah merancang untuk membina tapak pelupusan sisa pepejal sanitari bersepadu yang mana tapak-tapak pelupusan ini bukan hanya dilengkapi dengan sistem kawalan pencemaran tetapi akan turut dilengkapi dengan sistem rawatan sisa pepejal yang berkonsepkan *Waste To Energy* (WtE). Dalam hal ini, KPKT merancang untuk membina loji insinerator WtE di setiap negeri secara berperingkat. Pada masa kini, Kerajaan telah melaksanakan 2

projek WtE iaitu di Ladang Tanah Merah, Port Dickson, Negeri Sembilan yang kini dalam peringkat pembinaan serta WtE Kuala Lumpur yang telah selesai proses tender.

2. KPKT telah menetapkan dalam pemilihan teknologi WtE tersebut, ia mestilah terbukti telah berjaya digunakan dalam merawat sisa pepejal, memberi nilai wang serta teknologi yang mesra alam dan berkonsepkan teknologi hijau (*green technology*). Kriteria ini merupakan parameter utama yang akan dinilai ketika pelawaan *Request For Proposal* (RfP) untuk WtE kelak.

3. Tapak-tapak pelupusan bersepadu ini akan dibina secara berpusat dan akan digunakan bersama oleh beberapa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bertujuan untuk mengurangkan jumlah tapak pelupusan serta memberi skala ekonomi bagi tujuan pembinaan WtE kelak.

4. Selain itu, sehingga kini, KPKT telah selesai menutup selamat 18 tapak pelupusan, 1 tapak pelupusan sedang dalam proses penutupan selamat dan 5 lagi dalam perancangan bagi tahun 2020. KPKT juga menaik taraf tapak pelupusan dan loji rawatan air larut resap (*leachate treatment plant*) dengan tujuan untuk memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan dan mengurangkan pencemaran alam sekitar.

Sekian, terima kasih.